

09/10/1997

IT: Ada pihak takutkan rakyat

KUALA LUMPUR, Rabu - Ada pihak cuba menanamkan sikap di kalangan rakyat negara ini supaya tidak menerima perubahan teknologi maklumat (IT) yang bakal menjadi agenda baru Malaysia, kata Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Menurutnya, pihak berkenaan cuba menyebarkan pelbagai tohmahan, termasuk anak-anak muda negara ini akan terdedah kepada perkara yang kurang bermoral apabila terbabit dengan penggunaan komputer dan Internet.

"Perbuatan mereka itu seolah-olah inginkan kita berhenti daripada menerima perubahan dalam era IT," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kabinet di sini, hari ini.

Sehubungan itu, menurutnya, rakyat negara ini harus berwaspada terhadap dakwah pihak terbabit dan sebaliknya bersama-sama menghayati amanat penting yang akan disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Sabtu ini, jam 8.30 malam.

"Ini pertama kali Perdana Menteri menyampaikan amanat kepada negara mengenai IT secara langsung. Mungkin pada masa depan, ia akan dilakukan lagi jika beliau mempunyai amanat penting untuk disampaikan kepada rakyat," katanya.

Amanat Perdana Menteri mengenai kempen IT itu yang dijangka mengambil masa kira-kira 40 minit akan disiarkan secara langsung di semua rangkaian stesen televisyen, termasuk radio swasta.

Mohamed berkata, dalam pelancaran itu, Dr Mahathir akan menggariskan program yang disusun bagi kempen sehingga 2000 yang bertemakan 'IT Budaya Hidup Kita'.

"IT adalah agenda baru negara yang mesti dilaksanakan dan bakal menjadi cara hidup kita. Jika ingin capai taraf negara maju, IT perlu dipenuhi.

"Kegagalan rakyat Malaysia menggapai IT akan menjejaskan Wawasan 2020," katanya.

Mohamed kemudian mendedahkan usaha media asing yang cuba memanipulasi kemunculan Perdana Menteri pada tarikh itu dengan mengaitkan Dr Mahathir akan membuat pengumuman peletakan jawatan beliau.

"Ini memang temberang daripada media asing sebab kita fikir mereka memang tidak senang dengan kejayaan kita selama ini," katanya.

(END)